



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PSN SCIFEST 2022 MENYEMARAKAN AKTIVITI STI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 14 November 2022 - Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim hari ini telah merasmikan **Program PSN Scifest 2022** di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

PSN Scifest 2022 merupakan acara kemuncak aktiviti pembudayaan Pusat Sains Negara (PSN) yang bertujuan menyemarakkan lagi aktiviti sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat. Penganjurannya adalah sejajar dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dalam memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih berdaya saing dan berupaya mempertingkatkan tahap ilmu pengetahuan, inovasi, penjanaaan kekayaan, keterangkuman dan kesejahteraan masyarakat.

PSN Scifest 2022 juga merupakan salah satu program utama di bawah Minggu Sains Negara yang berkonsepkan *edutainment* (didik hiburan), bermaklumat dan santai dengan menawarkan pelbagai aktiviti sains secara *hands-on*, menarik dan interaktif. Untuk makluman, PSN SciFest telah menerima lebih tiga (3) juta penyertaan sejak penganjurannya bermula tahun 2011.

YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji. Aminuddin bin Hassim berkata, "Tema PSN SciFest 2022 iaitu '**STI Memperkasa Masa Hadapan**' telah diangkat sejajar dengan transformasi dunia

digital masa kini yang semakin pesat dan berdaya saing. Kemunculan teknologi baharu seperti automasi, robotik, kecerdasan buatan (AI) dan internet benda (IoT), dron, realiti maya dan data raya (big data) telah mengubah gaya hidup, budaya dan sosioekonomi dunia.”

PSN SciFest 2022 menawarkan enam (6) program utama yang menarik iaitu pameran Metaverse, *Meet Your Robot*, Gamifikasi STEM, *Kids Corner*, Cabaran Dron dan Jelajah Alam. Terdapat juga lebih 20 aktiviti sains yang menarik antaranya adalah *360° Tour* (lawatan pameran secara maya), bengkel interaktif STEM, persembahan sains, kuiz *science buzz* serta sesi *science chat* bersama saintis dan pakar tempatan yang dibawakan secara santai untuk orang ramai.

Pengarah PSN, Puan Mismah Jimbun menjelaskan PSN SciFest 2022 yang berlangsung selama dua (2) hari bermula 14 hingga 15 November 2022 ini diadakan secara fizikal dan secara dalam talian melalui platform maya di laman sesawang www.psn.gov.my/virtualscifest. Program ini turut menyasarkan penyertaan seramai (1) juta orang secara fizikal dan maya menerusi platform media sosial PSN.

Diharapkan agar PSN SciFest 2022 akan menjadi pencetus bagi mencungkil lebih ramai bakat dan kreativiti dalam bidang teknologi dan inovasi.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

14 NOVEMBER 2022